

PROJEK PROTEGE MENDAKI

## Faktor 'X' antara dicari

Oleh  
NURDHUHA ESOOF  
23 Jun 2012  
Singapura



MENGIKUT peraturan yang ditetapkan, Daniel Ian Dean tidak boleh menyertai Projek Protege yang dianjurkan Yayasan Mendaki baru-baru ini.

Ini kerana program bimbingan yang memadankan peserta dengan 11 ikon masyarakat yang cemerlang dalam 11 bidang masing-masing itu hanya dibuka kepada belia berusia antara 15 dengan 35 tahun.

Daniel baru mencecah 12 tahun dan bakal mengambil Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) tahun ini.

Namun, bapanya, Encik Dean Baharin, tetap membawanya ke sesi uji bakat pertama yang diadakan di Esplanade awal bulan ini untuk menjadi protege (anak didik) pemain golf Mardan Mamat.

"Saya tahu umur anak saya di bawah had umur yang ditetapkan peraduan ini. Tetapi, bagi saya, untuk menghasilkan seorang juara, terutama dalam bidang sukan, kita harus bermula dari usia muda. Jadi, saya beritahu anak saya supaya mencuba sahaja. Jika dia diterima, bagus. Jika tidak, tidak mengapa," kata Encik Dean.

Di sesi uji bakat itu, Daniel, yang ditemu ramah panel pengadil yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mendaki, Cik Moliah Hashim, personaliti dan usahawan, Rita Zahara, dan Penolong Editor Berita Berita Harian, Encik Hisham Hasim, dapat meyakinkan pengadil minat mendalamnya kepada sukan golf.

Anak tunggal yang mula bermain golf pada usia lima tahun itu tidak pernah mengambil bahagian dalam pertandingan sebelum ini, tetapi setiap minggu akan menerima latihan golf daripada jurulatih profesional dan bermain golf bersama bapanya.

"Buat masa ini, saya tidak menerima sebarang latihan kerana sedang memberi tumpuan kepada peperiksaan PSLE. Tetapi selepas itu, saya akan berpeluang berlatih dengan Encik Mardan. Menurut bapa saya, beliau seorang yang baik hati tetapi tegas. Saya tidak sabar ingin memulakan sesi latihan bersamanya," kata Daniel.

Ketika dihubungi, Cik Moliah berkata pihak penganjur ingin mengamalkan fleksibiliti dalam menerima penyertaan dan lebih memandang kepada bakat dan komitmen berbanding usia.

"Kami difahamkan bahawa Encik Mardan memilih Daniel kerana pada usia muda, beliau telah menunjukkan potensi yang hebat dalam sukan golf. Usianya juga menjadi salah satu sebab kerana untuk menjadi seorang juara, pembentukan pemain mesti

bermula dari usia muda," kata Cik Moliah.

Secara keseluruhan, 66 belia menyertai projek yang dianjurkan Yayasan Mendaki buat pertama kalinya itu.

Panel pengadil memilih 36 peserta untuk ke peringkat akhir sebelum setiap ikon memilih seorang anak didik untuk dibimbing selama tiga bulan.

Seramai 10 pemenang diumumkan pada hari kedua Pesta Pembelajaran Mendaki Sabtu lalu.

Seorang lagi pemenang akan dipilih saintis terkemuka, Profesor Jackie Ying, dalam masa terdekat ini.

Menurut Cik Rita, memilih finalis bukanlah sesuatu yang mudah kerana semua peserta sangat komited dan mempunyai bakat tersendiri.

"Di sesi uji bakat lain, pengadil sering melihat kepada faktor 'X' seseorang peserta. Tetapi bagi Projek Protege, selain daripada melihat bakat dan tahap komitmen peserta, kami membuat pilihan berdasarkan latar belakang diri dan keluarga serta status kewangan mereka. Faktor-faktor itu sering menjadi penghalang bagi seseorang mencapai impian," kata Cik Rita.

Antara yang dimaksudkan ialah protege bagi Fandi Ahmad, iaitu Encik Khairul Anwar Kasmani, 26 tahun, yang menghadapi masalah serebral palsy dengan bahagian kanan tubuhnya agak kurang upaya.

Walaupun belum pernah mengikuti latihan bola sepak profesional sebelum ini, beliau pernah beberapa kali mewakili Singapura bagi pertandingan bola sepak bagi pemain kurang upaya yang mengalami masalah serebral palsy.

Anak bongsu tiga beradik itu mempunyai impian menjadi seorang jurulatih bola sepak bagi golongan kurang upaya dan membuka sebuah akademi bola sepak bagi golongan tersebut.

Copyright © 2012 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.  
Privacy Statement Conditions of Access Advertise @ AsiaOne